

Tajuk:

**PENGLIBATAN BUMIPUTERA DI DALAM  
PENYEDIAAN KEMUDAHAN PENGINAPAN PELANCONG**

Kajian Kes;

**SEPANJANG PANTAI DI DALAM KAWASAN  
MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN  
PAHANG DARUL MAKMUR**

Oleh;

**ROHAYA BINTI MOHAMAD YUNEH**

dan

**WAN ZULREDAH BINTI WAN AWANG**

Kajian ini disediakan untuk memenuhi sebahagian dari  
syarat untuk penganugerahan DPBW

Jabatan Perancangan Bandar dan wilayah

Kajian Senibena Perancangan dan Ukur

Institut Teknologi Mara

Shah Alam

Selangor Darul ehsan

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniannya, kami dapat menyiapkan kajian akhir ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Diploma Perancang Bandar dan Wilayah, Institut Teknologi Mara Shah Alam. Kejayaan kami adalah hasil dari galakan, kerjasama, bimbingan dan bantuan dari beberapa pihak.

Terlebih dahulu kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Hj. Mat Zain bin Mat Hasan, selaku penyelia kami kerana banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan serta memberikan idea-idea yang bernas di dalam kajian kami.

Kami juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Rustam dan pensyarah-pensyarah lain kerana memberi kerjasama dan tunjuk ajar kepada kami. Tidak lupa juga kepada Pegawai-pegawai Perancang Bandar Majlis Perbandaran Kuantan, Pegawai-pegawai Unit Penyertaan Bumiputera Di dalam Pelancongan TDC dan pembantu makmal yang memberi kerjasama dalam membantu mendapatkan data-data, bahan-bahan rujukan dan penggunaan bilik komputer.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa kami yang disanjung, keluarga, senior dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi galakan dan dorongan kepada kami dari semasa ke semasa.

Wassalam.

## ABSTRAK

Kajian ini adalah satu kajian 'explanatory' yang mana ia adalah satu kaedah menjelaskan atau menerangkan bagaimana kajian ini dilakukan selaras dengan matlamat kajian. Ianya bertujuan untuk menggalakkan penglibatan Bumiputera di dalam penyediaan kemudahan penginapan pelancong yang bertaraf murah.

Kajian ini lebih menekankan kepada penyediaan chalet yang bertaraf murah yang terdapat di sepanjang pinggir pantai di dalam kawasan Majlis Perbadaran Kuantan. Ini adalah kerana memandangkan terdapatnya permintaan yang tinggi terhadap kemudahan ini.

Bagi mencapai matlamat kajian ini, diadakan beberapa peringkat di dalam proses perlaksanaan. Bab satu iaitu kajian ilmiah, merangkumi satu kajian pelancongan secara umum, pelancongan di peringkat Malaysia dan seterusnya pelancongan di peringkat Negeri Pahang. Oleh yang demikian, kita dapat melihat perkaitan antara peringkat-peringkat pelancongan. Selain daripada itu, ia memberi pengetahuan asas kepada kita berkenaan dengan bilangan kedatangan pelancong ke destinasi-destinasi tertentu dan faktor-faktor penggalak kemasukan pelancongan ke tempat-tempat tersebut.

## ISIKANDUNGAN

## MUKASURAT

<i>PENGHARGAAN</i>	i
<i>ABSTRAK</i>	ii
<i>ISIKANDUNGAN</i>	iv
<i>SENARAI JADUAL</i>	ix
<i>SENARAI RAJAH</i>	x
<i>SENARAI PELAN</i>	x
<i>GAMBARFOTO</i>	xi
<i>SENARAI LAMPIRAN</i>	xi

## BAB SATU

### 1.0 KAJIAN ILMIAH

1.1	PENGENALAN	1
1.2	DEFINASI PELANCONGAN	3
1.3	PRINSIP DAN KONSEP PEMBANGUNAN PELANCONGAN	6
1.4	JENIS-JENIS PELANCONGAN	8
1.5	KESAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN TERHADAP NEGARA-NEGARA MEMBANGUN	
1.5.1	<i>Kesan Pembangunan Ekonomi</i>	10
1.5.2	<i>Kesan Kepada Persekitaran (Fizikal)</i>	11
1.5.3	<i>Kesan Kepada Sosial</i>	12
1.6	PELANCONGAN DI MALAYSIA	13
1.6.1	<i>Polisi Pembangunan Pelancongan</i>	14

## 1.0 KAJIAN ILMIAH

### 1.1 PENGENALAN

Peringkat ini dibuat dengan tujuan untuk melihat perkaitan antara perkembangan pelancongan dengan kajian yang dibuat. Di dalam bahagian ini beberapa perkara akan dibincangkan ini termasuklah definisi pelancongan, prinsip dan konsep pembangunan pelancongan, jenis-jenis pelancongan, kesan-kesan pembangunan pelancongan terhadap negara sedang membangun dan juga beberapa perkara lain yang berkaitan dengan pelancongan di Malaysia.

Definisi pelancongan boleh didapati dalam berbagai cara namun begitu ianya diterangkan dengan tujuan untuk mengetahui apakah sebenarnya yang dikatakan pelancongan di mata umum dan membolehkan melihat apakah aktiviti-aktiviti yang dikaitkan dengan sektor tersebut.

Prinsip dan konsep pembangunan pelancongan juga perlu difahami kerana prinsip -prinsip pelancongan itu berbeza antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Begitu juga dengan konsep pembangunan pelancongan di mana bagi sesebuah negara atau